

Imbasan

Walaupun bergolak tetapi pertumbuhan positif...

Ekonomi global telah pulih lebih awal daripada yang dijangkakan dan menunjukkan tanda pemulihan yang kukuh pada suku pertama 2002, hasil daripada pendekatan bersama yang diambil oleh ekonomi-ekonomi utama. Perkembangan ini telah memberi keyakinan akan prestasi ekonomi global yang lebih baik. Walau bagaimanapun tahap dan kekukuhan pemulihan itu tergugat berikutan pendedahan skandal korporat, penunjuk ekonomi yang lemah di ekonomi-ekonomi utama, defisit akaun semasa yang semakin meruncing dan faktor keselamatan di Amerika Syarikat (AS). Selain itu, kebimbangan terhadap pasaran ekuiti yang lemah serta ketegangan politik di Timur Tengah dan diikuti oleh pengurangan dalam perbelanjaan pengguna serta keyakinan pelabur turut mempengaruhi tahap pemulihan tersebut. Namun demikian, keyakinan pengguna dan pelabur dijangka kembali pulih dengan pengenalan pelbagai dasar makroekonomi yang bersesuaian oleh ekonomi-ekonomi utama dan penggubalan undang-undang bagi menangani masalah salah laku korporat. Momentum pertumbuhan ekonomi dunia diramalkan bertambah rancak menjelang penghujung tahun ini.

Sehubungan dengan itu, langkah-langkah untuk mengembalikan semula pertumbuhan dan mengekalkan kestabilan ekonomi serta kewangan telah diberi keutamaan dalam forum antarabangsa. Perbincangan tertumpu kepada pengamalan pelbagai dasar yang sesuai, menyelesaikan isu-isu berkaitan urus tadbir korporat serta keperluan untuk meneruskan pembaharuan dalam sektor kewangan dan

perbankan. Usaha untuk mengukuhkan arkitektur kewangan antarabangsa (IFA) masih berterusan terutamanya dalam bidang pengawasan dan pemantauan, perbincangan dan *peer reviews* serta kawalan ke atas institusi berleveraj tinggi (HLIs). Isu-isu berkaitan dengan usaha memerangi pembiayaan keganasan dan pengubahan wang haram telah diberikan keutamaan yang sepenuhnya serta ditangani secara bersama selepas peristiwa 11 September 2001. Manakala di peringkat serantau pula kemajuan pesat telah dicapai dalam usaha mengukuhkan mekanisme sokongan dan bantuan kewangan.

Ekonomi Dunia

Prestasi ekonomi dunia bertambah baik...

Ekonomi dunia dijangka berkembang secara sederhana kepada 2.8% (2001: 2.5%) pada 2002, di mana momentumnya mulai ketara pada penghujung tahun ini, seperti ditunjukkan di *Jadual 6.1. Keluaran dunia* pada keseluruhannya akan terus didorong oleh jangkaan keluaran dalam negara kasar (KDNK) AS yang lebih kukuh pada tahun ini, iaitu sebanyak 2.2% (2001: 0.3%).

AS mencatatkan pertumbuhan KDNK sebanyak 3% pada separuh tahun pertama disumbangkan oleh peningkatan dalam pengeluaran automobil, utiliti, peralatan ketenteraan dan perniagaan serta perbelanjaan pengguna yang berterusan. Walau bagaimanapun, sejak Mei, pertumbuhan telah menjadi lebih perlahan, sebahagiannya berpunca daripada kelembapan dalam pasaran kewangan yang disebabkan oleh kemerosotan keyakinan pelabur ke atas keuntungan sektor korporat yang telah dilaporkan serta pendedahan salah laku pengurusan dan amalan perakaunan. Penggubalan undang-undang pada Ogos untuk menyelesaikan salah laku korporat dan amalan

JADUAL 6.1

Penunjuk-penunjuk Ekonomi Global 2001-2003

	KDNK benar (%)			Inflasi (%)			Pengangguran (%)		
	2001	2002 ^a	2003 ^u	2001	2002 ^a	2003 ^u	2001	2002 ^a	2003 ^u
Dunia	2.5	2.8	3.7	t.d.	t.d.	t.d.	t.d.	t.d.	t.d.
Negara maju	1.2	1.7	2.5	2.2	1.3	1.8	6.0	6.4	6.2
Negara membangun	4.0	4.2	5.2	5.7	5.8	5.1	t.d.	t.d.	t.d.
Negara perindustrian baru Asia	0.8	3.6	5.1	1.9	1.3	1.9	4.3	4.1	3.3

^a Anggaran.

^u Unjuran.

t.d. tiada data.

Sumber: IMF World Economic Outlook, April 2002 dan pelbagai sumber.

perakaunan, dijangka mengembalikan semula keyakinan terhadap kepercayaan perniagaan dan pengguna. Di Eropah, pertumbuhan diramal berkembang sederhana, didorong oleh persekitaran luaran yang bertambah baik pada separuh tahun pertama. Ekonomi Jepun telah mencatatkan pertumbuhan sebanyak 0.5% pada suku kedua (S1 2002: 0%) didorong oleh peningkatan dalam eksport dan pengeluaran industri. Sekiranya tren ini berterusan sehingga penghujung tahun, prestasi ekonomi Jepun secara keseluruhan dijangka bertambah baik. Begitu juga, prospek pertumbuhan bagi kebanyakan negara membangun, terutamanya yang bergantung kepada eksport diramalkan meningkat berikutan pemulihan ekonomi global dan permintaan terhadap produk berteknologi tinggi serta kenaikan harga komoditi utama.

Setelah mengalami kemerosotan akibat kelembapan ekonomi global pada 2001, **perdagangan dunia** bagi barangan dan perkhidmatan dijangka meningkat kembali daripada -0.2% kepada 2.5% pada 2002. Perdagangan dunia dijangka bertambah dalam separuh kedua tahun ini didorong oleh peningkatan dalam sektor elektronik serta pertambahan inventori. Walau bagaimanapun, tahap jumlah perdagangan seperti yang dinikmati

dalam tahun 1990an dijangka hanya akan dicapai semula pada penghujung 2003.

Di sebalik keadaan persekitaran luaran yang mencabar, perdagangan barangan dunia diramal meningkat di negara-negara peralihan yang bergantung kepada kemasukan aliran pelaburan langsung asing (FDI), negara pengeksport minyak serta Republik Rakyat China (China) dan India. Di kalangan negara Amerika Latin kecuali Argentina, Brazil dan Uruguay, di mana ekonominya masih dalam kerumitan, prestasi perdagangan dijangka bertambah baik selari dengan pemulihan dalam pelaburan dan kitaran inventori di AS.

Perdagangan dalam perkhidmatan juga dijangka mencatat pemulihan yang sederhana. Sektor perjalanan dan pengangkutan yang terjejas teruk akibat peristiwa 11 September, dijangka bertambah baik selaras dengan pemulihan dalam ekonomi dunia. Berbanding dengan negara-negara Eropah dan Asia yang mengalami perdagangan dalam perkhidmatan yang terjejas akibat kelembapan ekonomi global, China, India dan Ireland serta negara ekonomi peralihan, terus mempamerkan daya tahan dalam sektor perkhidmatan yang disokong oleh peningkatan dalam pembangunan perisian dan aktiviti pelancongan.

Inflasi dunia pada umumnya dijangka kekal sederhana walaupun ekonomi dunia telah kembali pulih. Di negara maju, inflasi dijangka akan menurun ke tahap yang paling rendah iaitu 1.3% pada 2002 (2001: 2.2%) akibat kelembapan pasaran buruh, kapasiti berlebihan di beberapa industri dan meningkatnya persaingan dalam persekitaran perniagaan antarabangsa. Di Jepun, deflasi masih menjadi satu masalah akibat sentimen pengguna yang lemah dan permintaan dalam negeri yang rendah. Sementara itu, di negara membangun, inflasi dijangka meningkat sedikit kepada 5.8% (2001: 5.7%), mencerminkan pemulihan ekonomi yang sederhana. Walau bagaimanapun, ketegangan di Timur Tengah berkemungkinan mempengaruhi kenaikan harga minyak, seterusnya mengakibatkan kenaikan kadar inflasi.

Pada akhir Ogos 2002, bursa saham di rantau Asia mencatatkan prestasi yang terbaik terutamanya di Bangkok dan Jakarta berbanding dengan kemerosotan besar di London dan New York seperti ditunjukkan di *Jadual 6.2*. Secara amnya, prestasi **pasaran saham** yang terjejas oleh kejatuhan saham sektor teknologi maklumat (IT) pada 2001 mengalami penurunan sejak permulaan 2002. Keyakinan pelabur telah terjejas akibat skandal korporat dan prestasi pendapatan yang rendah terutamanya di AS. Sebaliknya, bursa saham Asia kurang terjejas oleh pergerakan turun naik pasaran saham AS dan Eropah. Rantau Asia menunjukkan daya tahan yang tinggi, diperkuatkan oleh kekukuhan asas makroekonomi, berikutan daripada perubahan dasar di peringkat makro dan sektoral, serta penyusunan semula sektor kewangan dan korporat termasuk urus tadbir korporat, sejak krisis kewangan Asia yang lalu.

Indeks Dow Jones didagangkan dalam jajaran sederhana antara 9,500-10,500 mata dari Januari hingga Mei, dipengaruhi oleh sentimen pelabur yang lemah kesan daripada jangkaan pendapatan korporat yang lebih rendah pada suku tahun kedua, kegagalan korporat serta defisit akaun semasa AS yang semakin meruncing. Pada 23 Julai 2002, Dow Jones merosot kepada 7,702.34

mata, iaitu paras terendah sejak Oktober 1998. Sentimen pasaran kekal pesimis apabila prospek pertumbuhan ekonomi AS bagi 2002 menunjukkan tanda-tanda kelemahan. Namun demikian, terdapat perkembangan positif dalam pertumbuhan produktiviti, peningkatan dalam pelaburan peralatan IT dan perbelanjaan perisian serta penggubalan undang-undang baru-baru ini dan inisiatif lain bagi meningkatkan akauntabiliti, urus tabir korporat dan memperkemaskan peraturan pencen. Faktor-faktor ini dijangka akan meningkatkan keyakinan pelabur serta mengelakkan pasaran ekuiti dari terus merosot.

Prestasi pasaran saham IT turut mencerminkan sentimen yang lemah. Indeks NASDAQ, yang mengalami kemerosotan sejak mencapai kemuncak 5,048.62 mata pada 10 Mac 2000, telah menurun ke paras terendah di tahap 1,206.01 mata pada 5 Ogos 2002. Perlaksanaan undang-undang korporat yang baru, membolehkan tindakan lebih berkesan diambil ke atas syarikat-syarikat yang melanggar peraturan, mampu mengembalikan keyakinan pasaran. Lanjutan itu, pasaran saham dijangka kembali stabil dan mencatatkan prestasi yang lebih baik menjelang penghujung tahun.

Indeks FTSE dalam tempoh lima bulan pertama 2002, berada dalam purata 5,200 mata. Sentimen pasaran yang positif dipengaruhi oleh kekukuhan ekonomi United Kingdom (UK) pada suku tahun pertama. Walau bagaimanapun, harga saham mulai merudum pada penghujung Mei 2002, mencerminkan kemerosotan pasaran ekuiti di AS. Sentimen pelabur yang lemah terus menjejaskan pasaran dan pada 24 Julai, FTSE telah mencecah paras terendahnya sejak 11 September, iaitu pada paras 3,777.10 mata. Namun begitu, pasaran kembali kukuh atas sentimen positif berikutan dengan prospek daripada pemotongan seterusnya dalam kadar faedah di AS.

Di Asia, pasaran saham Jepun terus berada dalam kedudukan tidak stabil. Setelah mencatatkan mata terendah di sekitar 9,420.85 mata pada 6 Februari 2002, Indeks Nikkei

JADUAL 6.2

Pasaran Saham

	1 September 1998	Akhir 2001	Akhir Ogos 2002	Perubahan (%) ¹	Perubahan (%) ²
Pasaran Saham					
Bangkok	211.09	303.85	361.72	71.4	19.0
Hong Kong SAR	7,062.47	11,397.22	10,043.87	42.2	-11.9
Jakarta	325.85	392.04	443.67	36.2	13.2
Kuala Lumpur	262.70	696.09	711.36	170.8	2.2
London	5,118.70	5,217.40	4,227.30	-17.4	-19.0
Manila	1,191.76	1,168.08	1,103.36	-7.4	-5.5
New York	7,827.43	10,021.50	8,663.50	10.7	-13.6
Seoul	309.71	693.70	736.40	137.8	6.2
Singapura	823.33	1,623.60	1,488.50	80.8	-8.3
Taipei	6,335.09	5,551.24	4,764.94	-24.8	-14.2
Tokyo	14,369.63	10,542.62	9,619.30	-33.1	-8.8

¹ Peratus perubahan antara 1 September 1998 dan akhir Ogos 2002.

² Peratus perubahan antara akhir 2001 dan akhir Ogos 2002.

Sumber: Bursa Saham Kuala Lumpur dan pelbagai sumber.

JADUAL 6.3

Tukaran Asing

	2 September 1998	Akhir 2001	Akhir Ogos 2002	Perubahan (%)
Mata Wang (Berbanding dengan USD)				
Euro ¹	-	0.89	0.99	11.2
Peso Filipina	43.04	51.60	51.81	-0.4
Rupiah Indonesia	10,750.00	10,410.96	8,857.81	17.5
Yen Jepun	136.98	131.24	117.96	11.3
Won Korea	1,344.50	1,318.07	1,199.87	9.9
Ringgit Malaysia	3.80	3.80	3.80	0.0
Dolar Singapura	1.73	1.85	1.75	5.7
Dolar Taiwan baru	34.77	35.01	34.23	2.3
Baht Thailand	40.55	44.17	42.19	4.7

¹ USD berbanding dengan euro.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

melonjak dan hampir mencecah 12,000 mata pada awal Mac, dibantu oleh kemasukkan dana asing. Nikkei berada dalam lingkungan 11,000 hingga 12,000 mata di antara Mac dan Mei sebelum merosot kepada 10,100 mata pada penghujung Jun 2002. Keadaan ini dipengaruhi oleh kebimbangan ke atas nilai yen yang semakin kukuh yang akan menjejaskan prestasi eksport dan secara tidak langsung menjejaskan pendapatan korporat. Walau bagaimanapun, sejak

penghujung Julai, indeks Nikkei terus merosot ke paras kurang daripada 10,000 mata akibat kebimbangan pemulihan ekonomi AS mungkin terjejas.

Indeks Hang Seng turun naik di antara 9,770 hingga 11,900 mata sejak Januari 2002, berbanding paras tertingginya iaitu 18,301.69 mata pada 28 Mac 2000. Prestasi bursa saham Hong Kong kekal lembap, menunjukkan keadaan

ekonomi dalam negeri yang kurang memberangsangkan. Indeks juga dipengaruhi oleh kelemahan pasaran ekuiti AS, walaupun kesannya tidak begitu ketara. Namun begitu, oleh kerana dolar Hong Kong yang ditambat kepada dolar AS yang mengalami penurunan nilai, dijangka meningkatkan eksport Hong Kong, sementara pertumbuhan pesat China akan menggalakkan lagi industri pelancongan dan perdagangan luar Kawasan Pentadbiran Khas Hong Kong (SAR).

Pergerakan **pertukaran asing** sehingga awal 2002, menunjukkan pengukuhan dolar Amerika (USD) berbanding yen, manakala euro diniagakan dalam jajaran yang kecil berbanding USD. Pengukuhan USD dibantu oleh tanggapan pasaran terhadap kemantapan ekonomi dalam menghadapi kemelesetan yang bermula pada awal 2001. Penyusutan yen pula dipengaruhi oleh kelemahan ekonomi Jepun yang berterusan manakala prestasi euro pula adalah lebih baik di mana pergerakannya mengekori rapat USD.

Walau bagaimanapun, situasi berubah pada April, apabila nilai USD merosot berbanding euro dan yen, kerana pasaran dipengaruhi oleh tanggapan negatif kesan pendedahan skandal korporat dan seterusnya defisit akaun semasa yang semakin meningkat. Nilai USD terus menyusut dan pada 15 Julai, buat pertama kalinya sejak awal 2000, USD jatuh di bawah paras pariti berbanding dengan euro walaupun hanya untuk tempoh seminggu sahaja. Pada akhir Ogos, nilai yen telah meningkat sebanyak 11.3% berbanding USD, manakala euro pula meningkat sebanyak 11.2% sejak permulaan tahun seperti ditunjukkan di *Jadual 6.3*. Penyusutan nilai USD dipengaruhi oleh isu urus tadbir korporat, kemerosotan aliran modal ke pasaran AS, keengganan memiliki aset-aset AS serta kebimbangan ke atas keupayaan AS membiayai defisit perdagangan dan belanjawan. Walau bagaimanapun, penyusutan USD mungkin memberikan kesan positif kepada ekonomi AS kerana ia akan menggalakkan eksport dan meningkatkan keuntungan korporat seperti digambarkan oleh peningkatan 11.7 % eksport

pada suku tahun kedua berbanding suku tahun sebelumnya (S1 2002: 3.5%).

Nilai USD yang lemah, walau bagaimanapun boleh menyebabkan eksport Jepun kurang berdaya saing dan mengancam pertumbuhan ekonominya yang bermula pada suku tahun pertama yang dijana oleh peningkatan dalam permintaan barangan elektronik. Manakala nilai euro yang kukuh pula, dijangka meningkatkan perbelanjaan pengguna serta menghalang tekanan harga, kesan daripada kos import yang rendah.

Negara Maju

Tanda-tanda pemulihan di sebalik penunjuk ekonomi yang tidak menentu...

Amerika Syarikat (AS), Jepun dan Eropah yang merupakan enjin kepada pertumbuhan ekonomi global telah mengalami kemerosotan secara serentak pada 2001 buat pertama kalinya dalam tempoh melebihi dua dekad. Walau bagaimanapun pertumbuhan ekonomi **negara-negara maju** dijangka meningkat daripada 1.2% pada 2001 kepada 1.7% pada 2002 didorong oleh peningkatan ekonomi AS. Secara amnya, pelaksanaan dasar makroekonomi yang akomodatif, peningkatan dalam kitaran elektronik global serta pemulihan keyakinan peniaga dan pengguna telah merangsang pertumbuhan ekonomi negara-negara maju.

Di kalangan negara maju, **Amerika Syarikat** dijangka mengalami pertumbuhan yang paling tinggi. Pertumbuhan KDNK benar adalah sederhana pada suku tahun kedua iaitu 1.1% setelah mengalami pertumbuhan yang pesat pada suku tahun pertama sebanyak 5%. Ini digambarkan oleh penurunan indeks perkilangan *Institute for Supply Management (ISM)* AS dari 56.2 pada Jun kepada 50.5 pada Julai dan Ogos. Walau bagaimanapun perbelanjaan pengguna kekal kukuh didorong oleh pembelian rumah serta barang tahan lama, manakala eksport serta pelaburan dalam peralatan dan perisian juga meningkat bagi suku tahun kedua.


Pada tahun ini, pertumbuhan KDNK benar AS dijangka meningkat pada kadar 2.2% (2001: 0.3%), disokong oleh asas ekonomi yang kukuh seperti inflasi yang rendah dan pertumbuhan produktiviti yang mantap. Kadar *overnight interbank* yang rendah dalam sejarah iaitu 1.75% dijangka terus meningkatkan aktiviti pembiayaan semula gadai-janji dan pembelian barangan yang sensitif kepada perubahan kadar faedah seperti barang tahan lama seperti ditunjukkan di Carta 6.1. Keadaan ini juga akan menggalakkan perbelanjaan perniagaan. Di samping itu, perbelanjaan kerajaan ke atas ketenteraan dan keselamatan dalam negeri serta pakej pemotongan cukai yang berjumlah USD1.35 trilion bagi tempoh 10 tahun turut membantu merangsangkan pertumbuhan ekonomi AS. Walau bagaimanapun kebimbangan terus kekal ke atas defisit akaun semasa yang besar pada kadar 4.25% daripada KDNK, ketidakstabilan nilai USD dan perbelanjaan modal yang lemah serta isu-isu urus tadbir korporat dan keselamatan.

Kawasan euro telah mencatatkan pertumbuhan sebanyak 0.3% pada enam bulan pertama tahun ini, disumbangkan oleh eksport bersih dan perbelanjaan isirumah yang semakin meningkat. Walau bagaimanapun, pertumbuhan bagi separuh tahun kedua dijangka terus kukuh dengan mencatatkan pertumbuhan 0.3%-0.6% didorong oleh aktiviti dalam negeri yang disokong oleh dasar monetari yang merangsangkan. Memandangkan inflasi tidak lagi menjadi ancaman kepada pemulihan ekonomi euro, Bank Pusat Eropah (ECB) telah mengekalkan kadar faedah kepada 3.25% sejak November 2001 bagi merangsangkan pertumbuhan ekonomi. Walau bagaimanapun, kedudukan ekonomi AS yang rapuh boleh menjejaskan prestasi ekonomi kawasan euro kerana 20% daripada eksportnya adalah ke AS. KDNK benar bagi tahun ini diramalkan stabil pada kadar 1.4% (2001:1.5%).

Jerman yang merupakan ekonomi terbesar di kalangan negara euro, dijangka mencatatkan pertumbuhan yang perlahan pada kadar 0.7% (2001: 0.6%). Keadaan ini didorong oleh permintaan luar yang memberangsangkan ekoran daripada perkembangan luaran yang

CARTA 6.1

Arah Aliran Semasa Penentu Ekonomi Negara-Negara Maju 1998-2002



¹ Angka bagi 2002 adalah anggaran.

² Kadar faedah purata yang diwajibkan oleh nilai purata dalam USD.

³ Kadar purata hasil bon-bon Kerajaan.

⁴ Sehingga bulan April 2002.

⁵ euro diperkenalkan pada 1999.

Sumber: IMF World Economic Outlook, April 2002.

menggalakkan. Jerman telah pulih daripada pertumbuhan negatif untuk dua suku tahun berturut-turut dengan mencatatkan KDNK sebanyak 0.3% pada suku pertama dan suku kedua. Peningkatan dalam perbelanjaan pengguna, eksport dan penambahan semula inventori merupakan pemangkin kepada pertumbuhan ini.

Di luar kawasan euro pula, **United Kingdom** mencatatkan pertumbuhan KDNK benar yang memberangsangkan pada suku kedua 2002 iaitu sebanyak 1.5% (S1 2002: 1.1%). Pertumbuhan ini didorong oleh perbelanjaan isirumah, peningkatan nilai ditambah dalam sektor perkilangan serta perkhidmatan dan perbelanjaan kerajaan ke atas sekolah, pengangkutan, perumahan dan pertahanan. Walau bagaimanapun, penunjuk terkini ekonomi UK memberikan gambaran yang kurang jelas terhadap prospek ekonomi pada separuh kedua 2002. Walaupun berlakunya kemerosotan pengeluaran perkilangan pada Jun 2002, disebabkan oleh permintaan luaran yang lemah serta peningkatan mendadak bilangan syarikat yang diisytihar muflis pada suku tahun kedua, perbelanjaan pengguna terus meningkat.

Memandangkan ketidaktentuan dalam persekitaran luaran serta keraguan terhadap kekukuhan pemulihan ekonomi UK, Bank Pusat England (BOE) telah menetapkan kadar faedah terendah dalam tempoh 38 tahun sebanyak 4% selepas mengurangkannya sebanyak tujuh kali dalam 2001 bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara. Pertumbuhan KDNK benar bagi tahun ini dijangka berkurangan pada kadar 2% (2001: 2.2%).

Setelah mengalami penguncupan selama 19 bulan berturut-turut, ekonomi **Jepun** telah kembali pulih dan mencatatkan pertumbuhan KDNK sebanyak 0.5% pada suku kedua (S1 2002: 0%) disumbangkan oleh kenaikan eksport, terutamanya ke AS dan Asia serta kenaikan dalam pengeluaran industri. Pendapatan eksport yang bertambah baik telah meningkatkan keuntungan korporat dan sentimen perniagaan. Walau bagaimanapun, pemulihan Jepun menghadapi risiko kenaikan nilai yen berbanding dengan USD yang akan menyebabkan eksportnya kurang berdaya saing.

Di samping itu, kebimbangan kekal wujud ke atas hutang kerajaan dan korporat yang tinggi, kadar pengangguran yang semakin meningkat, kejatuhan harga serta permintaan dalam negeri yang lemah. Memandangkan satu pertiga daripada eksport Jepun adalah ke AS, pemulihan ekonomi AS yang tidak menentu mungkin memberi kesan ke atas pemulihan ekonomi Jepun yang baru bermula. Namun demikian, ia dijangka akan dapat diatasi dengan peningkatan eksportnya ke negara-negara Asia, yang mana telah meningkat sebanyak 19% pada Julai, iaitu satu peningkatan yang berturut-turut selama lima bulan, disumbangkan terutamanya oleh eksport cip komputer dan keluli ke China.

Asia Timur

Rantau yang mengalami pertumbuhan paling pesat...

Asia Timur yang diterajui oleh China, Republik Korea (ROK) dan Taiwan telah mencatat pertumbuhan yang paling pesat sejak krisis kewangan Asia. Pertumbuhan KDNK benar diramal semakin pesat dengan kadar 5.2% pada 2002 (2001: 4.3%) dirangsang oleh pemulihan dalam kitaran elektronik global. Tambahan pula, memandangkan perdagangan intra-serantau yang kini menyumbang sebahagian besar daripada jumlah perdagangan, negara-negara ini termasuk Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN) akan mendapat manfaat daripada kekukuhan prestasi ekonomi China yang dijangka akan meningkatkan lagi momentum pertumbuhan di rantau ini.

China telah mencatatkan pertumbuhan yang amat pesat pada suku kedua sebanyak 8%, selepas mencatatkan pertumbuhan yang kukuh sebanyak 7.6% pada suku pertama. Pertumbuhan ini didorong oleh eksport dan perbelanjaan kerajaan ke atas pembinaan rumah, jalan raya, lapangan terbang dan projek-projek infrastruktur yang lain. Eksport yang merupakan 20% daripada KDNK adalah disumbangkan terutamanya oleh pekilang-pekilang asing yang telah mendapat manfaat daripada keanggotaan China ke dalam Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO). Faktor kos buruh yang rendah dan pasaran dalam negeri yang luas dijangka terus menarik kemasukan

FDI ke China. Memandangkan yuan merupakan salah satu daripada tiga mata wang yang ditambat kepada USD, penyusutan nilai mata wang tersebut sejak April yang lalu telah meningkatkan daya saing eksport China.

Pertumbuhan KDNK benar bagi tahun ini dijangka kekal sebagai antara yang tertinggi di dunia iaitu 7.5% (2001: 7.3%), seperti ditunjukkan di *Jadual 6.4*. Walau bagaimanapun, kelemahan permintaan dalam negeri masih membimbangkan dan China dijangka bergantung kepada perbelanjaan kerajaan, eksport dan FDI untuk mencapai sasaran pertumbuhan yang tinggi.

KDNK benar bagi **Republik Korea (ROK)** telah mencatat pertumbuhan sebanyak 5.7% pada suku pertama dibantu oleh kadar faedah yang rendah dan kombinasi potongan cukai korporat, pendapatan dan penggunaan serta pakej rangsangan fiskal ke atas sektor pembinaan. Ekoran daripada ekonominya yang semakin kukuh, Bank Korea (BOK) merupakan salah satu daripada bank pusat yang telah menaikkan kadar faedah *overnight call* iaitu daripada 4% kepada 4.25% pada 7 Mei 2002 bagi mengurangkan tekanan inflasi tanpa menjejaskan aktiviti ekonomi. Walaupun kadar faedah yang tinggi telah meredakan kerancakan aktiviti pembelian rumah, namun KDNK benar pada suku tahun kedua terus kukuh pada 6.3%, didorong oleh perbelanjaan pengguna yang kekal tinggi dan peningkatan eksport dalam cip komputer, kereta dan lain-lain barangan.

Dengan asas yang kukuh, ekonomi ROK diramal terus mengekalkan momentum pertumbuhan yang tinggi. Rizab antarabangsa yang berkurangan kepada USD3,900 juta sewaktu krisis 1997 telah meningkat kepada USD115,500 juta pada penghujung Julai 2002 berikutan daripada kekukuhan prestasi eksportnya serta kemasukan FDI yang tinggi, kesan positif daripada liberalisasi akaun modal. Jumlah hutang luar pada tahap 33.4% daripada KDNK pada 1997 dijangka menurun kepada kira-kira 24.1% daripada KDNK pada 2002. Pertumbuhan KDNK benar pada tahun ini diramal mencatatkan pertumbuhan yang pesat sebanyak 6.5% (2001: 3%).

Sebagai pengeluar peralatan IT yang keempat terbesar di dunia, **Taiwan** telah mendapat manfaat

daripada pemulihan pasaran elektronik global. Selepas mengalami penurunan tiga suku tahun berturut-turut, Taiwan pulih daripada kemelesetan dengan mencatatkan pertumbuhan KDNK benar sebanyak 0.9% pada suku pertama dan terus kukuh kepada 4% bagi suku kedua. Walau bagaimanapun, risiko kekal wujud. Permintaan dalam negeri terus rendah disebabkan oleh kadar pengangguran yang tinggi iaitu pada purata 5.2% pada suku kedua dan kadar upah yang tidak berubah. Bagi mencergaskan semula permintaan dalam negeri, Bank Pusat China telah menurunkan kadar diskaun sebanyak 13 kali sejak Disember 2000 kepada 1.87%. Di samping itu, Kerajaan juga telah menubuhkan *Financial Restructuring Fund* dan menggubal undang-undang untuk mempercepatkan penyusunan semula kewangan dan korporat. Pada tahun ini, pertumbuhan dijangka pulih pada kadar 3.1% (2001: -1.9%) sementara inflasi kekal rendah pada kadar 0.4%.

JADUAL 6.4

Ekonomi-ekonomi Asia Timur: Penunjuk-penunjuk Utama Ekonomi 2001-2003

	2001	2002 ^a	2003 ^u
Keluaran Dalam Negara Kasar* (%)			
China	7.3	7.5	7.2
Jepun	-0.4	0.0	1.1
Republik Korea	3.0	6.5	5.8
Taiwan	-1.9	3.1	4.0
Inflasi (%)			
China	0.7	0.3	1.5
Jepun	-0.7	-1.1	-0.5
Republik Korea	4.1	2.7	2.6
Taiwan	-0.01	0.4	1.6
Imbangan Akaun Semasa (% daripada KDNK)			
China	1.7	1.1	0.5
Jepun	2.1	2.9	3.4
Republik Korea	2.0	1.5	0.6
Taiwan	6.7	6.6	6.6

* KDNK benar.

^a Anggaran.

^u Unjuran.

Sumber: IMF World Economic Outlook, April 2002 dan pelbagai sumber.

Negara Membangun

Pertumbuhan ekonomi semakin kukuh di negara membangun...

Tahap pemulihan ekonomi **negara membangun** adalah berbeza-bebeza. Negara Asia yang lebih terbuka dan berintegrasi secara global telah menunjukkan peningkatan dalam eksport selari dengan pemulihan permintaan dunia terhadap keluaran elektronik. Pada masa yang sama, permintaan dalam negeri yang menjadi penampakan kelembapan ekonomi tahun 2001, telah bertambah kukuh di beberapa buah negara Asia. Selaras dengan pemulihan permintaan global, pengeluaran pembuatan di beberapa buah negara telah meningkat kukuh pada suku pertama.

Di Amerika Latin secara amnya, Mexico dan negara-negara Amerika Tengah dijangka mengalami pemulihan yang sederhana berikutan prospek pemulihan ekonomi dan kewangan di AS. Namun demikian beberapa negara Amerika Latin seperti Argentina, Brazil dan Uruguay pula dijangka mencatatkan pertumbuhan yang rendah memandangkan negara-negara ini menghadapi masalah ketidakseimbangan makroekonomi. Memandangkan prestasi ekonomi di negara membangun yang berbeza, KDNK bagi negara membangun dijangkakan sederhana iaitu 4.2% (2001: 4%).

Negara-negara **ASEAN** turut mengalami kesan yang berbeza-beza ekoran daripada kelembapan global pada 2001, di mana Singapura paling terjejas. Walau bagaimanapun dengan pelaksanaan langkah-langkah *counter-cyclical*, proses pembaharuan kewangan dan korporat yang sedang berjalan lancar, peningkatan perdagangan intra-ASEAN serta persekitaran luaran yang bertambah baik, rantau ini dijangka mencatatkan pertumbuhan yang kukuh dalam lingkungan antara 3.4% hingga 4% (2001: 2.8%). Kadar inflasi bagi rantau ini dijangka kekal rendah kecuali Indonesia yang diramal tinggi iaitu 9%.

KDNK benar **Singapura** menguncup 2% pada 2001. Pertumbuhan pada suku pertama kekal pada paras negatif 1.5% sebelum pulih kepada positif 3.9% pada suku kedua, disokong oleh permintaan luaran terhadap barangan pembuatan

dan perkhidmatan yang berkaitan dengan pengangkutan. Sektor pembuatan sebelum ini yang mengalami penurunan bagi empat suku berturut-turut telah berkembang, disumbangkan oleh farmaseutikal dan elektronik. KDNK benar bagi 2002 dijangka mencatatkan 3%-4%.

Bagi mengekalkan momentum pertumbuhan dan daya saingnya, Kerajaan Singapura telah memperkenalkan beberapa insentif yang akan mengurangkan lebihan fiskal kepada 0.6% daripada KDNK 2002 (2001: 1.6%). Kedua-dua cukai korporat dan individu akan dikurangkan secara berperingkat iaitu daripada 24.5% dan 26.5% bermula pada 2001 kepada 20% pada 2004. Selain itu, insentif galakan cukai juga diberi kepada sektor kewangan, manakala para pekerja akan diberikan opsyen saham. Bagi menampung kehilangan hasil cukai, bermula pada 1 Januari 2003, cukai barangan dan perkhidmatan (GST) akan dinaikkan sebanyak 5% berbanding 3% sebelumnya. Di samping dasar fiskal, Pihak Berkuasa Kewangan Singapura (MAS) pada 11 Julai 2002, mengumumkan pengekalan dasar pertukaran kewangan neutral yang diamalkan sejak pertengahan 2001. Matlamat utamanya adalah untuk mengekalkan kestabilan dolar Singapura serta mengawal kadar inflasi dan seterusnya menghindar kejatuhan daya saing eksportnya.

Kerajaan Singapura telah memulakan program mempelbagaikan ekonominya di bidang-bidang baru seperti pendidikan, penjagaan kesihatan dan maklumat serta komunikasi dan media sebagai sebahagian daripada strategi jangka panjangnya untuk mempercepatkan pertumbuhan. Penekanan yang lebih diberikan kepada aktiviti yang mempunyai nilai tambah yang tinggi seperti sains biomedik, IT dan pengeluaran fabrikasi wafer yang bersaiz lebih besar, sementara itu, sektor elektronik, bahan kimia, kejuruteraan perkapalan serta perkhidmatan kewangan diperkukuhkan lagi.

KDNK benar **Filipina** pada suku kedua berkembang sebanyak 4.5% (S1 2002: 3.7%), dijana oleh sektor perkhidmatan, terutamanya pengangkutan dan komunikasi serta peningkatan eksport barangan elektronik. Perbelanjaan pengguna adalah tinggi, didorong oleh kekukuhan pendapatan daripada sektor pertanian, penurunan

kadar faedah, kadar pertukaran mata wang yang stabil serta peningkatan kiriman wang dari pekerja di seberang laut. Memandangkan sektor pertanian yang menyumbang sebanyak 20% daripada KDNK, kejatuhan pengeluaran hasil pertanian kepada 2.5% pada suku kedua berbanding 3.7% yang disasarkan, boleh menjejaskan jangkaan KDNK bagi tahun ini iaitu 4%-4.5% (2001: 3.9%). Prospek bagi sektor ini yang menyerap guna tenaga sebanyak 40% dijangka terjejas berikutan fenomena cuaca kering *El Nino* pada separuh kedua tahun ini.

Satu bidang pertumbuhan baru yang telah dikenal pasti dan diberi tumpuan utama ialah e-perkhidmatan, di mana Filipina mempunyai kelebihan dari segi guna tenaga yang fasih bertutur Bahasa Inggeris. Bidang e-perkhidmatan yang diberi penekanan ialah transkripsi perubatan dan perkhidmatan panggilan pusat, perkhidmatan kewangan bersama, perkhidmatan pembangunan perisian dan bidang kejuruteraan serta reka bentuk yang berkaitan dengan pembinaan. Pada 2004, sektor ini dijangka menyumbang sebanyak USD1,700 juta kepada ekonomi.

KDNK benar **Thailand** pada suku pertama meningkat sebanyak 3.9% (S4 2001: 2.1%) didorong oleh pertumbuhan permintaan dalam negeri. Kadar faedah yang rendah iaitu 2% telah menggalakkan pinjaman yang seterusnya menggerakkan aktiviti pelaburan swasta, penggunaan dan pembuatan. Selain itu, pakej rangsangan fiskal Kerajaan yang memberi tumpuan kepada program pembangunan kawasan luar bandar dan kerja awam telah meningkatkan keyakinan pelabur.

KDNK benar mencatatkan pertumbuhan 4.9% pada suku kedua didorong oleh kadar faedah yang rendah dan sentimen pengguna yang positif seperti yang digambarkan oleh peningkatan jualan kereta dan pengeluaran kad kredit. Peningkatan sebanyak 8% (S1 2002: 4.4%) turut dicatat dalam pengeluaran pembuatan beberapa industri seperti barangan elektrik dan elektronik, produk besi dan keluli, barangan pembinaan dan kenderaan. Tanda-tanda pemulihan juga jelas dilihat di dalam pelaburan swasta terutamanya dalam bidang keluaran barangan logam, mesin dan kenderaan. Eksport pada suku kedua pula meningkat sebanyak 4.5% didorong oleh permintaan luar,

manakala import sebanyak 5.5% terutamanya terhadap barangan tahan lama dan barangan modal.

Walaupun mencatatkan pertumbuhan yang kukuh pada separuh pertama, Thailand masih berdepan dengan cabaran untuk mengekalkan momentum pertumbuhannya. Permintaan luaran yang lembap ditambah dengan pertumbuhan ekonomi perlahan di AS dan Jepun yang merupakan rakan dagangan utama, boleh menjejaskan eksportnya. Selain itu, eksport Thailand turut menghadapi persaingan sengit daripada barangan China yang murah. KDNK benar bagi 2002 diramalkan mencatat 3%-4% (2001: 1.8%).

KDNK benar **Indonesia** bagi suku kedua meningkat kepada 3.5% (S1 2002: 2.2%) didorong oleh peningkatan dalam perbelanjaan pengguna dan perniagaan dalam suasana politik yang stabil dan kadar faedah yang menggalakkan. Eksport dan import mencatatkan pertumbuhan kukuh dalam suku tahun pertama dan kedua setelah mengalami penurunan berturut-turut pada dua suku sebelumnya. Berasaskan kepada persekitaran politik yang stabil dan harga komoditi yang bertambah baik serta pengaliran keluar modal bersih yang semakin menurun, KDNK benar Indonesia pada tahun ini dijangka mencatatkan pertumbuhan 3%-4% (2001: 3.3%).

Berbanding dengan negara lain di rantau ini, Indonesia menghadapi masalah tekanan inflasi yang serius berikutan peningkatan kos telekomunikasi dan pengangkutan kesan penarikan balik subsidi minyak. Sehubungan itu, bagi mencapai objektif kadar inflasi satu digit pada penghujung 2002, Bank Indonesia telah meneruskan langkah mengurangkan lebihan kecairan dalam ekonomi. Kesannya, inflasi telah menurun dalam tempoh lima bulan berturut-turut sejak Mac kepada 10% pada Julai. Ini telah mewujudkan persekitaran yang kondusif kepada aktiviti perniagaan.

Bagi mengembalikan semula keyakinan pelabur serta mengurangkan risiko aktiviti perniagaan, langkah mengukuh dan meningkatkan daya tahan sistem perbankan serta pengawasan pasaran kewangan terus dilaksanakan. Selain itu, Kerajaan juga terus menggalakkan penstrukturan semula hutang korporat dan kredit melalui *Jakarta Initiative*

Task Force, Indonesian Bank Restructuring Agency (IBRA) dan Bank Indonesia Credit Restructuring Task Force.

Kerjasama Kewangan dan Perkembangan Perdagangan

Inisiatif untuk pertumbuhan yang mampan terus menjadi keutamaan...

Mengambil kira kadar pertumbuhan ekonomi global yang tidak menentu serta kewujudan ancaman keselamatan, persidangan-persidangan antarabangsa mengenai kerjasama kewangan dan perkembangan perdagangan pada 2002 telah memberi tumpuan kepada dua isu utama iaitu perlunya kerjasama erat antara negara bagi memperkukuhkan pertumbuhan ekonomi dan memerangi pembiayaan keganasan. Kerjasama kewangan dilaksanakan melalui proses Menteri Kewangan dan lain-lain mesyuarat. Malaysia telah mengambil bahagian secara aktif dalam Persidangan Keempat WTO Peringkat Menteri yang berlangsung pada 2001, Mesyuarat Menteri Kewangan ASEAN, ASEAN+3 (China, Jepun dan ROK), Kumpulan Kerjasama Asia Pasifik (APEC), Mesyuarat Asia-Eropah (ASEM) serta mesyuarat tahunan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia pada 2002.

Kemajuan yang ketara telah dicapai dalam beberapa inisiatif yang bertujuan meningkatkan kerjasama kewangan serantau, terutamanya di kalangan negara **ASEAN** dan **ASEAN+3**. Berhubung dengan pengaturan kewangan serantau, ASEAN+3 telah mencapai kemajuan yang membanggakan dalam pelaksanaan mekanisme sokongan dan bantuan sendiri serantau di bawah **Inisiatif Chiang Mai (CMI)** yang dilancarkan pada Mei 2000 di Chiang Mai. Matlamat penubuhan CMI ialah untuk membantu negara-negara anggota yang mengalami masalah imbalan pembayaran melalui pewujudan jaringan pengaturan swap dua hala (BSA) antara negara ASEAN dan rakan-rakan Asia Timur iaitu ASEAN+3.

Sehingga kini, lapan perjanjian BSA yang secara keseluruhannya berjumlah USD20,000 juta telah ditandatangani iaitu antara Jepun dan ROK, Jepun dan Thailand, Jepun dan Filipina, Jepun dan

Malaysia, China dan Thailand, China dan Jepun, China dan ROK serta ROK dan Malaysia. Rundingan BSA antara ROK dan Thailand serta ROK dan Filipina adalah diperingkat akhir, manakala empat lagi rundingan BSA melibatkan antara Jepun dan Indonesia, Jepun dan Singapura, China dan Malaysia serta China dan Filipina telah dimulakan. Selain daripada CMI, Inisiatif Miyazawa antara Malaysia dan Jepun serta Jepun dan ROK yang berjumlah USD7,500 juta di mana USD2,500 juta daripadanya adalah bahagian Malaysia telah juga diperbaharui.

Bagi mempercepatkan pelaksanaan pengaturan kewangan bantuan sendiri serantau, Menteri Kewangan ASEAN+3 telah memberi mandat kepada Kumpulan Kajian ASEAN+3 untuk meneroka **mekanisme yang sesuai dalam meningkatkan penilaian semula ekonomi dan dialog dasar** di kalangan negara ASEAN+3. Setakat ini, Kumpulan Kajian yang dipengerusikan secara bersama oleh Malaysia dan Jepun yang melibatkan pegawai-pegawai kanan kewangan dan bank-bank pusat telah bermesyuarat sebanyak dua kali iaitu, di Kuala Lumpur dan Yangon dalam merangka mekanisme bagi menggalakkan negara-negara ahli melaporkan kedudukan ekonomi masing-masing serta bertukar-tukar pandangan mengenai isu-isu dasar. Sebagai permulaan, Timbalan-timbalan Kewangan dan Bank-bank Pusat telah bertemu secara tidak rasmi di Yangon pada awal April 2002, iaitu sempena **Mesyuarat Keenam Menteri-Menteri Kewangan ASEAN** bagi membincangkan keadaan ekonomi serantau dan isu-isu dasar. Menyedari akan pentingnya untuk terus meneroka dan meningkatkan lagi proses dialog tersebut, mesyuarat Kumpulan Kajian dan perjumpaan tidak rasmi yang seterusnya dijadualkan di Tokyo pada November 2002.

Menteri-Menteri Kewangan ASEAN juga telah melaksanakan kajian sesama mereka serta bertukar-tukar pendapat berhubung dengan perkembangan dan prospek ekonomi serantau di bawah **Proses Pemantauan ASEAN (ASP)** yang telah ditubuhkan pada 1998 bagi tujuan melaksanakan pemantauan ekonomi serantau dan memberi amaran awal sebelum berlakunya krisis kewangan. Satu lagi pencapaian penting Menteri-Menteri Kewangan ASEAN adalah **Program Kerja Kewangan di bawah Pelan**

Tindakan Hanoi (HPA). Program ini yang telah dilancarkan semasa Sidang Kemuncak Ketua-Ketua Negara ASEAN pada Disember 1999 yang mengandungi pelbagai aktiviti adalah bertujuan untuk mempercepatkan pemulihan ekonomi serta menggalakkan integrasi di kalangan negara anggota ASEAN. Berhubung dengan pembaharuan IFA, Menteri-Menteri Kewangan ASEAN bersependapat perlunya ada pendirian bersama ASEAN mengenai pemantauan aktiviti dana lindung nilai yang boleh diketengahkan di forum antarabangsa yang berkaitan.

Berpanduan Perjanjian Rangka Kerja ASEAN Mengenai Perkhidmatan (AFAS) yang ditandatangani oleh Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN pada 15 Disember 1995, proses **meliberalisasikan perkhidmatan kewangan di kalangan negara anggota ASEAN** terus dilaksanakan. Dalam hubungan ini, matlamat utama AFAS ialah membangun serta meningkatkan daya saing dalam sektor perkhidmatan kewangan melalui proses liberalisasi secara berperingkat dan progresif dengan mengambil kira kedudukan perkembangan sektor kewangan di setiap negara serta keperluan peraturan yang berhemah, pengawasan yang efektif dan meningkatkan kemampuan pelaksanaan. Negara anggota diberi kelonggaran dalam menjadualkan proses liberalisasi selaras dengan keperluan pembangunan masing-masing.

Menteri Kewangan ASEAN juga bersetuju agar negara anggota memberikan tawaran yang lebih baik berbanding dengan komitmen yang sedia ada di bawah Perjanjian Am Mengenai Perdagangan dalam Perkhidmatan (GATS-plus). Komitmen tersebut hendaklah diberi ke atas sekurang-kurangnya satu sektor kecil di mana empat atau lebih negara anggota telah memberikan komitmennya di bawah GATS atau AFAS.

Negara anggota telah berjaya menyelesaikan rundingan peringkat pusingan kedua proses liberalisasi perkhidmatan kewangan dengan pemeteraian Protokol bagi melaksanakan Pakej

Komitmen Mengenai Perkhidmatan Kewangan di bawah AFAS pada majlis penutupan Mesyuarat Menteri Kewangan ASEAN Keenam di Yangon pada awal April 2002 dengan komitmen untuk meneruskan liberalisasi perkhidmatan kewangan terutamanya sektor perbankan, insurans dan lain-lain sektor perkhidmatan kewangan. Menteri-menteri juga bersetuju melancarkan rundingan pusingan ketiga yang dijangka berakhir pada 2004.

Kemajuan turut dicapai dalam pembangunan **sistem amaran awal serantau (EWS)** dengan bantuan teknikal daripada Bank Pembangunan Asia (ADB). Prototaip EWS telah dibangunkan dan pada masa kini ADB dalam proses memperkemaskannya sebagai persediaan untuk seminar EWS di Beijing pada Oktober 2002.

Seterusnya kerjasama Menteri Kewangan turut diperluaskan di peringkat Kumpulan Kerjasama Asia Pasifik (APEC). **Mesyuarat Menteri Kewangan APEC yang kesembilan** telah diadakan pada awal September 2002 di Los Cabos, Mexico telah mengkaji perkembangan terkini kewangan serta makroekonomi serantau dan antarabangsa, membincangkan kaedah menggalakkan keyakinan, mengurangkan ketidakpastian dan mempercepatkan pemulihan ekonomi dunia. Pada tahun ini tumpuan telah diberikan kepada tiga tema utama iaitu memerangi pembiayaan aktiviti keganasan dan pengubahan wang haram, mempercepatkan pembaharuan fiskal dan kewangan serta memperbaiki pengagihan simpanan dalam negeri bagi pembangunan ekonomi.

Pembiayaan aktiviti keganasan terus mendapat perhatian utama di forum antarabangsa. Satu dialog dasar di kalangan Menteri telah menilai sejauh mana peningkatan kerjasama dan langkah menangani pembiayaan keganasan dan pengubahan wang haram memberi kesan ke atas pemulihan ekonomi dan kestabilan kewangan. Dialog tersebut turut menimbangkan dasar dan langkah yang perlu diperkukuhkan atau dilaksanakan bagi menangani pembiayaan keganasan dan jenayah yang berkaitan.

MEMERANGI PEMBIAYAAN AKTIVITI KEGANASAN, PENGUBAHAN WANG HARAM DAN PENYALAHGUNAAN SISTEM KEWANGAN GLOBAL: LANGKAH-LANGKAH TERKINI YANG DIAMBIL OLEH MALAYSIA

Malaysia mengambil berat terhadap cabaran keganasan ke atas keamanan dan keselamatan antarabangsa serta pembangunan ekonomi yang sukar diatasi. Pembiayaan aktiviti keganasan dan penyalahgunaan sistem kewangan global terdapat dalam pelbagai bentuk—secara pelbagai hala, pelbagai institusi dan pelbagai bidang kuasa perundangan. Sehubungan itu, kerjasama di peringkat antarabangsa adalah perlu bagi membendung aktiviti ini. Menyedari perkara tersebut, Malaysia telah memperkemaskan perundangan dan mengukuhkan rangka jenis institusi di peringkat negara. Manakala di peringkat antarabangsa pula, Malaysia bekerjasama dengan negara-negara lain melalui penyertaannya dalam **Kumpulan Asia/Pasifik mengenai Pengubahan Wang Haram (APG)** dan lain-lain forum.

1. Langkah-langkah di Peringkat Nasional

- **Jawatankuasa Penyelaras Peringkat Kebangsaan Bagi Pencegahan Pengubahan Wang Haram**

Jawatankuasa Penyelaras Peringkat Kebangsaan Bagi Pencegahan Pengubahan Wang Haram, yang diterajui oleh Bank Negara Malaysia (BNM) terdiri daripada wakil-wakil dari pelbagai agensi penguatkuasaan perundangan telah ditubuhkan pada April 2000. Tujuan penubuhannya adalah untuk merangka dan memastikan langkah-langkah pelaksanaan yang sempurna bagi membanteras pengubahan wang haram berpandukan kepada piawaian yang diterima di peringkat antarabangsa seperti yang terkandung dalam Cadangan FATF.

- **Inter-agency Working Group**

Satu *Inter-agency Working Group* diketuai oleh Kementerian Luar Negeri (Wisma Putra) telah ditubuhkan baru-baru ini untuk meneliti *Convention for the Suppression of the Financing of Terrorism* oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sebelum Malaysia menerimapiakai konvensyen tersebut.

- **Rangka Kerja Undang-Undang**

Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001 (AMLA) telah diwartakan pada 5 Julai dan dikuatkuasakan mulai 15 Januari 2002. AMLA meliputi kesalahan pengubahan wang haram secara umum, penyiasatan, pembekuan dan rampasan harta yang diperolehi daripada aktiviti jenayah berat, laporan transaksi yang mencurigakan dan keperluan peyimpanan rekod serta penubuhan unit perisikan kewangan.

Akta tersebut menggariskan 122 kesalahan yang berkaitan dengan pengubahan wang haram, termasuk kesalahan di bawah Seksyen 125 dan 125A Kanun Keseksaan. Peruntukan ini membolehkan mekasnisma pengesanan pengubahan wang haram menjejaki aliran kewangan pengganas serta pembiaya-pembiaya tabung tersebut. Mengikut Seksyen 125 Kanun Keseksaan, adalah merupakan satu kesalahan sekiranya melancarkan sebarang tindakan perang ke atas kuasa bersekutu dengan Yang Dipertuan Agong. Bagi Seksyen 125A, Kanun Keseksaan pula, adalah menjadi satu kesalahan bagi melindungi atau percubaan melindungi mana-mana individu di Malaysia atau individu yang menetap di negara lain yang cuba melancarkan perang atau permusuhan terhadap Yang Dipertuan Agong. Terma 'melindungi' ditakrifkan dalam Seksyen 130A, sebagai menyalurkan wang kepada seseorang bagi tujuan membiayai aktiviti pengganas.

Sebelum undang-undang AMLA 2001 dikuatkuasakan, terdapat beberapa peruntukan di bawah pelbagai akta mengenai keamanan dan keselamatan awam termasuk perkara di bawah **Perlembagaan Persekutuan** bagi menangani anasir subversif, keganasan yang dirancang dan tindakan serta jenayah yang mengancam keselamatan awam dan kuasa darurat; **Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (ISA)**, yang menghalang mana-mana

individu yang mengancam keselamatan negara, melindungi perkhidmatan utama atau aktiviti ekonomi di Malaysia; **Kanun Keseksaan** yang menangani kesalahan terhadap negara, ketenteraman awam dan kesalahan yang menjejaskan kesihatan awam, keselamatan, keselesaan, ketertiban dan moral; **Akta Polis 1967**, mengandungi peruntukan yang memberi kuasa bagi mengawal perhimpunan, mesyuarat dan perarakan; dan **Akta Senjata Api (Hukuman Lebih Berat) 1971**, yang memperuntukan hukuman yang lebih berat ke atas penggunaan senjata api semasa perlakuan jenayah tertentu dan jenayah lain yang berkaitan dengan penggunaan senjata api.

- **Unit Perisikan Kewangan (FIU)**

Menteri Kewangan telah melantik BNM selaku pihak berkuasa bagi menguatkuasakan peruntukan di bawah AMLA. Sehubungan itu, FIU telah ditubuhkan di bawah BNM pada 8 Ogos untuk memudahkan dan mengkoordinasikan pelaksanaan serta penguatkuasaan AMLA serta bekerjasama dengan negara-negara lain dalam memerangi penyalahgunaan sistem kewangan global.

2. Kerjasama Antarabangsa

- **Rangka Kerja Undang-undang**

Seksyen 10 di bawah AMLA membenarkan FIU menyampaikan maklumat kewangan yang penting kepada pihak berkuasa negara asing yang bersamaan dengan syarat terdapatnya persetujuan di antara kedua belah pihak, sementara Seksyen 29(3) pula memberi kuasa kepada FIU untuk bekerjasama dengan mana-mana agensi penguatkuasa undang-undang dalam dan luar negara bagi menyiasat sebarang kesalahan berat yang dilakukan di luar negara.

Akta Bantuan Bersama Dalam Perkara Jenayah 2002 memperluaskan skop bantuan dan kerjasama bagi mana-mana kesalahan, jika disabit, boleh dipenjarakan bagi tempoh setahun dan lebih, atau hukuman mati.

Akta Ekstradisi 1992 mengandungi peruntukan untuk menafikan perlindungan dan / atau mengekstradisikan penjenayah buruan.

- **Pemakaian bagi Resolusi Konvensyen PBB**

Malaysia telah menandatangani dan/atau meratifikasikan 4 Konvensyen yang berikut:

- ✓ *Convention on Offences and Certain Other Acts Committed on Board Aircraft;*
- ✓ *Convention for the Suppression of Unlawful Seizure of Aircraft;*
- ✓ *Convention for the Suppression of Unlawful Acts against the Safety of Civil Aviation;* dan
- ✓ *Protocol on the Suppression of Unlawful Acts of Violence at Airports Serving International Civil Aviation, supplementary to the Convention for the Suppression of Unlawful Acts against the Safety of Civil Aviation.*

Resolusi Majlis Keselamatan PBB, No. 1333 (2000) dan No. 1267 (1999) serta 1373 (2001) membenarkan pembekuan harta entiti yang berhubung dengan Osama bin Laden dan Taliban, telah dilaksanakan menerusi surat pekeliling di bawah Akta Kawalan Pertukaran 1953. Sehingga kini, BNM telah mengeluarkan tujuh surat pekeliling kepada institusi-institusi kewangan sejak 1 Oktober 2001. Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (LOFSA) juga telah mengeluarkan pekeliling yang sama kepada industri pesisir.

- **Tindakan Melalui Forum Pelbagai Hala**

Malaysia telah menjadi ahli APG, iaitu badan serantau ala FATF, sejak 31 Mei 2000. Keahlian dalam APG telah membenarkan perkongsian maklumat dan pengalaman yang berkaitan dengan usaha-usaha untuk mencegah aktiviti pengubahan wang haram.

- Malaysia, Indonesia dan Filipina telah menandatangani *Trilateral Agreement on Terrorism* pada 7 Mei 2002 untuk memperkukuhkan lagi kerjasama bagi menangani insiden melewati sempadan dan jenayah antarabangsa. Cambodia juga menandatangani pada 1 Ogos 2002. Menerusi Perjanjian ini, agensi risikan keempat-empat negara akan lebih berkeupayaan bekerjasama untuk melawan aktiviti keganasan.
- Satu *Joint Declaration of Cooperation to Combat International Terrorism* telah ditandatangani dengan AS pada 14 Mei 2002, yang antara lain, membenarkan penzahiran risikan dan maklumat serta data yang diterima berkaitan dengan pembiayaan aktiviti keganasan.
- Malaysia juga merupakan parti kepada *ASEAN-US Joint Declaration for Cooperation to Combat International Terrorism* yang telah ditandatangani di antara negara-negara anggota ASEAN dan AS pada 1 Ogos 2002.
- Satu *Memorandum of Understanding on Cooperation to Combat International Terrorism* juga telah ditandatangani dengan Australia pada 2 Ogos 2002.

3. Kesimpulan

Malaysia menyedari bahawa perang melawan aktiviti keganasan dan pengubahan wang haram adalah melampaui kedaulatan negara dan bersedia bekerjasama dengan komuniti antarabangsa untuk mengawal penyalahgunaan sistem kewangan global dan berusaha menghapuskan sebarang bentuk pengubahan wang haram serta aktiviti keganasan.

Pada masa yang sama, mesyuarat tersebut turut mengkaji pembaharuan fiskal dan kewangan yang akan memberi kesan positif kepada prestasi ekonomi dan kewangan negara serantau serta berkongsi pengalaman dalam melaksanakan pembaharuan baru. Menteri-Menteri Kewangan APEC turut mengambil maklum mengenai hasil penemuan daripada kajian kes yang telah dijalankan oleh ahli kumpulan teras dalam menggalakkan simpanan dalam negeri dan keberkesanan pengagihannya kepada pembangunan dan pelaburan yang produktif. Menteri-Menteri Kewangan APEC turut dimaklumkan mengenai inisiatif-inisiatif lain yang telah dilaksanakan pada tahun ini di peringkat forum APEC yang lain.

Mesyuarat Keempat Menteri Kewangan Asia-Eropah (ASEM) telah diadakan di Copenhagen, pada awal Julai 2002, dihadiri oleh Menteri-Menteri Kewangan ataupun wakil mereka dari sepuluh negara Asia dan 15 negara Kesatuan Eropah. Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan oleh Menteri Kewangan Denmark selaku Presiden Kesatuan Eropah dan pelbagai isu yang melibatkan kepentingan bersama telah dibincangkan iaitu menangani pembiayaan aktiviti

keganasan, pengubahan wang haram dan penyalahgunaan sistem kewangan global serta kerjasama monetari dan kewangan.

Malaysia telah dijemput untuk melaporkan kemajuan yang dicapai dalam usaha menyediakan rangka kerja institusi kewangan bagi memerangi penyalahgunaan sistem kewangan yang meliputi sektor perbankan, insurans serta pemberi pinjaman wang (lihat *Rencana*). Jerman pula telah menarik perhatian kepada isu berhubung dengan penyalahgunaan bank koresponden, pindahan wang melewati sempadan, pindahan kawat automatik dan perkhidmatan kiriman wang alternatif yang tidak telus. Dalam hubungan ini, Menteri-Menteri Kewangan telah mengalukan tawaran Jerman untuk menghoskan simposium bersama dengan Malaysia mengenai perbankan haram serta keperluan mengawasi perkhidmatan pemindahan kiriman wang alternatif di negara anggota ASEM di Berlin pada pertengahan Julai 2003. Sebagai langkah ke arah penerimaan piawaian umum dalam menangani penyalahgunaan sistem kewangan global, Menteri-Menteri Kewangan telah menggalakkan negara-negara anggota ASEM untuk menerimapiakai dan melaksanakan 40 Cadangan

Financial Action Task Force (FATF) mengenai pengubahan wang haram dan Lapan Cadangan Khas mengenai pembiayaan keganasan serta instrumen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang antara lainnya menggesa pembekuan aset milik penganas.

Menteri-Menteri Kewangan telah mengambil maklum bahawa Kesatuan Ekonomi dan Kewangan Eropah (EMU) kini telah lengkap dengan perlaksanaan penggunaan mata wang euro secara fizikal pada Januari 2002. Sistem mata wang tunggal dijangka akan menggalakan kestabilan dan pertumbuhan di EU serta memudahkan transaksi perdagangan dan kewangan melewati sempadan di antara Eropah dan rantau-rantau lain termasuk Asia.

Para anggota ASEM juga telah dimaklumkan oleh ADB mengenai usaha terkini yang telah diambil bagi pengukuhan kerjasama kewangan dan serantau di Asia Timur yang dikategorikan kepada tiga bidang yang luas iaitu pertukaran maklumat dan pemantauan ekonomi, pengaturan kewangan serantau serta koordinasi dasar makroekonomi dan dasar kadar pertukaran. Menteri-menteri telah menilai pencapaian di bawah ASEM *Trust Fund*, Projek Penyelidikan Kobe dan Forum Pengurusan Hutang Awam. Perbincangan dalam mesyuarat ini akan menjadi input kepada Sidang Kemuncak Ketua-Ketua Kerajaan dan Negara ASEM yang akan diadakan di Copenhagen pada akhir September 2002. Menteri-menteri telah bersetuju untuk mengadakan mesyuarat kelima Menteri-Menteri Kewangan ASEM di Indonesia pada 2003.

Pada Sidang Kemuncak Kesebelas Ketua-Ketua Kerajaan dan Negara **Kumpulan 15 (G-15)** yang diadakan di Jakarta pada akhir Mei 2001, isu-isu mengenai kurangnya kemajuan yang dicapai dalam pembaharuan IFA terutamanya bagi menangani risiko dan cabaran aliran modal yang mudah berubah telah dibangkitkan. Negara anggota telah mengemukakan tawaran Malaysia bagi mengadakan mesyuarat pakar Kumpulan 15 untuk menilai kemajuan yang dicapai dalam usaha semasa terhadap pembaharuan IFA, supaya dapat menangani kebimbangan, menjaga kepentingan serta mengenhakan pendirian kesemua negara membangun.

Kumpulan Pakar mengenai Pembaharuan ke atas IFA yang melibatkan 19 orang pakar daripada 17 buah bank pusat telah mengadakan perbincangan di Kuala Lumpur pada akhir Februari 2002. Perbincangan telah tertumpu kepada empat bidang utama iaitu ketelusan dan penzahiran, aliran modal, HLIs dan pembaharuan dalam Institusi-Institusi Kewangan Antarabangsa (IFIs). Di antara perakuan Kumpulan Pakar ialah perlunya usaha yang bersungguh-sungguh ke arah pembaharuan IFIs, khususnya berhubung dengan ketelusan dan penzahiran; pelaksanaan piawaian dan kod secara sukarela; usaha antarabangsa bagi memperkukuhkan langkah yang diambil oleh negara untuk mengawal aliran modal, meningkatkan ketelusan dalam melaporkan kegiatan HLIs bagi mengurangkan risiko sistemik daripada aktiviti HLIs serta mewujudkan struktur pengundian yang lebih seimbang di IMF.

Kumpulan Pakar bersetuju supaya perakuan bagi mempercepatkan pembaharuan IFA dikemukakan kepada Sidang Kemuncak ke XII, G-15 yang akan diadakan pada penghujung tahun ini. Selepas diterima oleh persidangan kelak, perakuan ini akan mencerminkan pendirian negara membangun secara amnya, dan Kumpulan G-15 secara khususnya di forum antarabangsa mengenai pembaharuan IFA.

Persidangan Menteri-Menteri WTO Keempat, yang diadakan di Doha, Qatar pada November 2001, bersetuju untuk melancarkan pusingan baru rundingan perdagangan pelbagai hala yang dijadual akan disempurnakan sebelum 1 Januari 2005. Pusingan rundingan baru ini yang dinamakan **Agenda Pembangunan**, merangkumi rundingan lanjutan bagi isu-isu pertanian dan perkhidmatan yang belum selesai di samping kemungkinan untuk memperluaskan rundingan bagi meliputi bidang-bidang baru seperti ketelusan perolehan kerajaan, polisi persaingan, alam sekitar dan pelaburan. Memandangkan kerumitan dalam bidang baru ini, persetujuan telah dicapai agar rundingan ini hanya akan dimulakan selepas Persidangan Menteri-Menteri Kelima di Cancun, Mexico, dengan syarat terdapat persetujuan yang jelas mengenai kaedah perundingan. Bagi mengambil kira pandangan beberapa negara membangun, persetujuan juga telah dicapai supaya proses pendidikan mengenai WTO diteruskan.

Berkenaan dengan proses liberalisasi selanjutnya dalam sektor perkhidmatan kewangan, negara-negara anggota bersetuju untuk mengemukakan permohonan awal bagi komitmen tertentu sebelum 30 Jun 2002, manakala tawaran awal sebelum 31 Mac 2003, dengan matlamat untuk menyempurnakan rundingan sebelum 1 Januari 2005. Malaysia meneruskan penglibatan dalam rundingan ini, dengan berpanduan prinsip liberalisasi secara progresif selaras dengan jadual pelaksanaan dalam Pelan-Pelan Induk Sektor Kewangan dan Pasaran Modal.

Bagi tujuan merangka program kerja WTO pada masa akan datang, Malaysia telah menubuhkan satu Jawatankuasa Kebangsaan mengenai Rundingan Perdagangan Pelbagai Hala. Sehubungan ini, 11 kumpulan kerja telah diwujudkan untuk memantau pelbagai bidang antaranya termasuklah pertanian, perkhidmatan, pelaburan, perdagangan dan alam sekitar, dasar persaingan, perolehan kerajaan dan e-dagang. Setiap kumpulan kerja dipengerusikan oleh kementerian yang berkenaan, dan dianggotai oleh pelbagai pihak yang berkepentingan, termasuk sektor swasta. Tanggungjawab utama kumpulan kerja ini adalah untuk mengkaji dan menilai implikasi pelaksanaan Agenda Pembangunan Doha, merangka strategi dan pendirian negara dalam pusingan rundingan yang akan datang serta melengkapkan diri masing-masing mengenai perkembangan terkini di Geneva, ibu pejabat WTO. Selain daripada itu, Kumpulan Kerja Sektor Perkhidmatan telah menerima permohonan daripada pihak industri tempatan mengenai cadangan untuk meliberalisasikan pasaran yang tertentu di luar negara. Permohonan tersebut telah dikemukakan kepada negara-negara yang berkaitan untuk dipertimbangkan. Pada masa yang sama permohonan yang diterima daripada negara luar bagi Malaysia meliberalisasikan lagi sektor perkhidmatannya, adalah masih dalam kajian. Selain daripada sektor awam, pihak industri yang berkepentingan turut menjadi kumpulan sasar dalam pendidikan mengenai faedah, tanggungjawab dan implikasi WTO serta Agenda Pembangunan Doha. Bagi mencapai tujuan ini, Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) telah menganjurkan beberapa seminar dan syarahan,

bertujuan menyebarkan maklumat mengenai globalisasi, WTO dan isu-isu berkaitan.

Tinjauan 2003

Ke arah tahun depan yang lebih meyakinkan...

Prospek pertumbuhan ekonomi global pada 2003 dijangka lebih meyakinkan dan kukuh dengan jangkaan kadar pengangguran yang rendah di kebanyakan rantau. Perdagangan dan pertumbuhan dunia dijangka berkembang tinggi kepada 6.6% (2002: 2.5%) dan 3.7% (2002: 2.8%). Walaupun tekanan terhadap inflasi semakin meningkat berikutan momentum pertumbuhan yang mulai rancak tetapi kadar inflasi dijangka kekal rendah.

Terdapat risiko di sebalik prospek optimistik bagi keseluruhan 2003 yang berpunca, terutamanya daripada ketegangan di Asia Barat. Harga minyak yang telah meningkat dalam tempoh beberapa bulan baru-baru ini, berkemungkinan melonjak sekiranya perang AS dengan Iraq bermula yang seterusnya dijangka memperlahankan pertumbuhan global.

Walaupun terdapatnya risiko, pertumbuhan dunia dijangka berterusan di mana ekonomi utama, AS, Jepun dan kawasan euro dijangka mencatatkan prestasi yang lebih baik serta permintaan global terhadap elektronik semakin pulih. Di AS pertumbuhan yang tinggi adalah berikutan daripada persekitaran perdagangan dan pelaburan yang bertambah baik. Ancaman perang perdagangan akibat tindakan AS yang mengenakan tarif ke atas keluli yang diimport telah reda dengan pengumuman pengecualian baru ke atas separuh produk keluli dari Eropah yang mana paling terjejas, manakala perundangan bagi menangani isu salah laku korporat dan perakaunan juga telah dikuatkuasakan. Kawasan euro juga diramal menunjukkan prestasi yang memberangsangkan dengan KDNK benar bertumbuh dua kali ganda iaitu 2.9% (2002: 1.4%), dengan kedudukan akaun semasa yang kukuh dan kadar inflasi serta pengangguran yang rendah di kebanyakan negara seperti ditunjukkan di

JADUAL 6.5

**Negara Maju:
Penunjuk-penunjuk Utama Ekonomi
2001-2003**

	2001	2002 ^a	2003 ^u
Keluaran Dalam Negara Kasar* (%)			
Negara Maju	1.2	1.7	2.5
Amerika Syarikat	0.3	2.2	2.6
Itali	1.8	1.0	2.3
Jepun	-0.4	0.0	1.1
Jerman	0.6	0.7	2.1
Perancis	2.0	1.3	2.4
United Kingdom	2.2	2.0	2.8
Kawasan euro	1.5	1.4	2.9
Inflasi (%)			
Negara Maju	2.2	1.3	1.8
Amerika Syarikat	2.8	1.4	2.4
Itali	2.7	2.2	1.6
Jepun	-0.7	-1.1	-0.5
Jerman	2.4	1.5	1.2
Perancis	1.8	1.5	1.4
United Kingdom	2.1	2.4	2.5
Kawasan euro	2.6	1.9	1.6
Pengangguran (%)			
Negara Maju	6.0	6.4	6.2
Amerika Syarikat	4.8	5.5	5.3
Itali	9.5	9.3	8.9
Jepun	5.0	5.8	5.7
Jerman	7.9	8.2	8.1
Perancis	9.0	9.2	8.7
United Kingdom	5.1	5.4	5.4
Kawasan euro	8.3	8.5	8.2
Imbangan Akaun Semasa (USD billion)			
Negara Maju	-186.4	-192.6	-191.5
Amerika Syarikat	-417.4	-435.3	-451.8
Itali	4.0	8.3	11.7
Jepun	87.6	110.2	127.0
Jerman	10.0	9.4	12.2
Perancis	32.3	32.7	30.7
United Kingdom	-25.1	-31.1	-36.1
Kawasan euro	41.9	50.1	53.8

* KDNK benar.

^a Anggaran.^u Unjuran.

Sumber: IMF World Economic Outlook, April 2002 dan pelbagai sumber.

JADUAL 6.6

**Negara-negara ASEAN Terpilih:
Penunjuk-penunjuk Utama Ekonomi
2001-2003**

	2001	2002 ^a	2003 ^u
Keluaran Dalam Negara Kasar* (%)			
Brunei Darussalam	2.7	t.d.	t.d.
Filipina	3.9	4.0-4.5	3.8
Indonesia	3.3	3.0-4.0	4.0
Malaysia	0.4	4.0-5.0	6.0-6.5
Singapura	-2.0	3.0-4.0	4.2
Thailand	1.8	3.0-4.0	3.5
Vietnam	4.7	5.3	7.0
Inflasi (%)			
Brunei Darussalam	-3.1	t.d.	t.d.
Filipina	4.1	3.5-3.8	4.0-5.0
Indonesia	12.5	9.0	8.2
Malaysia	1.4	1.9	-
Singapura	1.0	-0.5-0.5	1.6
Thailand	0.8	0.0-1.0	1.0-2.0
Vietnam	0.5	4.9	3.7
Imbangan Akaun Semasa (% daripada KDNK)			
Brunei Darussalam	t.d.	t.d.	t.d.
Filipina	5.6	3.6	3.5
Indonesia	4.5	1.8	1.4
Malaysia	8.3	6.5	5.8
Singapura	23.3	21.4	21.4
Thailand	5.4	4.0	3.1
Vietnam	1.7	-1.6	-2.9

* KDNK benar.

^a Anggaran.^u Unjuran.

t.d. tiada data.

Sumber: IMF World Economic Outlook, April 2002 dan pelbagai sumber.

Jadual 6.5. Pencapaian paling ketara ialah Jepun, yang dijangka pulih daripada kemelesetan ketiga sejak sedekad yang lalu. Bersama dengan kawasan euro, Jepun dijangka menjadi pelengkap kepada pertumbuhan di AS untuk pertumbuhan global yang lebih stabil.

Berhubung dengan ekonomi Asia Timur, prestasi ekonomi China yang kukuh sejak kebelakangan tahun ini dijangka berterusan disokong oleh tarikan pasaran dalam negeri yang sedia ada dan kesan-kesan positif berikutan keanggotaan China dalam WTO. Jangkaan pemulihan dalam sektor IT dan elektronik serta persekitaran luar yang semakin bertambah baik dijangka memacu pertumbuhan di Taiwan dan ROK. ASEAN turut dijangka mencatat pertumbuhan yang kukuh,

terutamanya ekonomi-ekonomi yang berorientasikan eksport elektronik, disokong oleh kadar inflasi yang rendah dan kedudukan akaun semasa yang kukuh seperti ditunjukkan di *Jadual 6.6*. Prestasi pertumbuhan China yang kukuh dijangka menjadi pemangkin kepada pertumbuhan yang pesat di rantau Asia Timur, di mana perdagangan intra-wilayah telah menjadi semakin penting. Tambahan pula, kedudukan asas dan dasar makroekonomi yang mantap serta sektor kewangan dan korporat yang kukuh, Asia Timur dijangka mencatatkan pertumbuhan yang tinggi dan muncul sebagai wilayah yang dinamik dan menyerlah serta berpotensi. Manakala, di Afrika, Timur Tengah, Eropah Timur dan Tengah serta Amerika Latin dijangka mengalami pertumbuhan yang sederhana.

Istilah